

Hubungan Antara Kebimbangan dengan Kepercayaan Efikasi Pengajaran Matematik Guru Pra Perkhidmatan Pemulihan Khas di Institut Pendidikan Guru

Muhamad Nazri Abdul Rahman, Roselita Ali @ Yusof, Siti Nurfaiziana Harun

Kata Kunci:

Kata Kunci: Guru Pra Perkhidmatan, Tahap Kepercayaan Efikasi, Kebimbangan Matematik



Abstrak:

Kajian lepas menunjukkan bahawa guru Matematik mempunyai kebimbangan yang tinggi dan kepercayaan efikasi yang rendah. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara kebimbangan dengan kepercayaan efikasi pengajaran Matematik dalam kalangan guru pra perkhidmatan di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Satu tinjauan terhadap 108 orang responden dari tujuh buah IPGM, telah dilaksanakan dengan menggunakan instrumen soal selidik yang diadaptasi daripada kajian Paker (2006). Hasil kajian mendapati terdapat hubungan berkadar songsang yang signifikan antara empat elemen dalam kebimbangan dengan kepercayaan efikasi pengajaran Matematik dengan nilai $r(108) = -0.621$, $p = 0.00$ (signifikan jika $p < 0.01$). Hasil kajian juga menunjukkan bahawa tahap kebimbangan Matematik berada pada tahap yang rendah, iaitu ($\text{min}=1.839$, $\text{s.p}=0.456$) dan tahap kepercayaan efikasi pengajaran Matematik berada pada tahap yang tinggi, iaitu ($\text{min}=4.174$, $\text{s.p}=0.395$). Hubungan berkadar songsang antara kebimbangan dengan kepercayaan efikasi pengajaran Matematik ini menunjukkan bahawa, tahap keyakinan diri dan kecakapan sendiri guru pra perkhidmatan Pemulihan Khas berada pada tahap yang baik. Kajian ini penting kepada bidang pendidikan, khususnya guru Pemulihan Khas bagi mengenal pasti masalah kebimbangan dan mencari alternatif untuk meningkatkan kepercayaan efikasi pengajaran Matematik.

Keywords:

Keywords: Pre-service Teacher, Level of Efficacy Belief, Math Anxiety

Abstract:

Recent research has shown Mathematics teachers have high anxiety and low efficacy beliefs. This research was conducted to analyze the relationship between anxiety and belief in the effectiveness of Mathematics teaching among Remedial Education pre-service teachers at the Malaysian Institute of Teacher Education (IPGM). A survey study of 108 respondents from seven IPGM was conducted using a questionnaire instrument adapted from Paker (2006). The results of the study found that there was a significant inverse proportional relationship between the four elements in anxiety with the belief of the effectiveness of Mathematics teaching with a value of $r(108) = -0.621$, $p = 0.00$ (significant if $p < 0.01$). The results also showed that the level of Mathematics anxiety was at a low level (mean = 1.839, s.p = 0.456) and the level of confidence in the effectiveness of Mathematics teaching was at a high level (mean = 4.174, s.p = 0.395). This inversely proportional relationship between anxiety and belief in the effectiveness of Mathematics teaching indicates that the level of self-confidence and self-competence of Remedial Education pre-service teachers are at a good level. The importance of this study can be applied to the world of education especially Remedial Education teachers to identify anxiety problems and find alternative ways to increase the belief of the effectiveness of Mathematics teaching.